

BN 30 JUL 1990

# Keperluan rakyat diutamakan

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Kerajaan akan tetap meneruskan usaha menyediakan segala kemudahan yang diperlukan rakyat, khususnya rumah, supaya mereka dapat hidup aman dan selesa.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka yang belum mendapat rumah, akan berpeluang memilikinya tidak lama lagi.

Katanya, golongan termiskin di kampung sudah pun diberi rumah percuma yang lebih besar supaya mereka tidak perlu lagi tinggal di rumah sebesar reban ayam atau yang hampir roboh.

"Kerajaan memang sentiasa memikirkan segala bentuk kemudahan yang perlu disediakan untuk rakyat.

"Kita sedar masih ada yang belum berpeluang memiliki rumah tetapi insya-Allah, mereka akan memilikinya tidak lama lagi," katanya sewaktu merasmikan kawasan perumahan Bandar Manjalara di Kepong, dekat sini, hari ini.

Beliau mahu rakyat memberi undi kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang supaya BN dapat terus memberi khidmat kepada mereka.

Menurutnya, hanya negara ini mempunyai skim perumahan kos rendah, sederhana dan

tinggi "sehinggakan rakyat menganggapnya sebagai perkara biasa perasmian skim perumahan."

Berucap di kawasan perumahan awam Dewan Bandaraya, Gombak, pula, Perdana Menteri berkata memang menjadi hasrat kerajaan untuk membolehkan semua kaum di negara ini hidup bahagia.

Sementara itu, ketika merasmikan pasar besar Air Panas, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata kerajaan akan membantu peniaga kecil di seluruh negara mendapat tempat yang sesuai bagi membolehkan mereka berniaga dengan aman tanpa gangguan luar.